

# Manfaat teknologi digital semai budaya membaca

Berita Harian (15/05/2020) M/S 13

Siti Noor Balqis  
Ahmad Ahmani,  
Universiti  
Pendidikan  
Sultan Idris

'Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya'. Kita sering mendengar slogan ini di media massa. Tidak kurang juga kempen dan seruan daripada kerajaan bagi memupuk budaya membaca dalam diri rakyat.

Tahun 2020 begitu bermakna dan mencatat sejarah buat Kuala Lumpur apabila dinobatkan sebagai Ibu Kota Buku Dunia

(KLWBC) Ke-20 oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO). Ia diharapkan mampu membuka mata rakyat dan memberi galakan untuk terus membaca.

Dalam era pandemik, budaya membaca dapat dipupuk dalam masyarakat. Mereka dapat menghabiskan masa di rumah dengan menambah maklumat melalui pembacaan pelbagai genre buku, sama ada didapati melalui dalam talian atau bercetak.

Seiring perkembangan teknologi dan digital, masyarakat dilihat banyak menghabiskan masa dengan gajet dan media sosial. Namun, ini tidak bermakna masyarakat berhenti membaca, tetapi sumber bacaan boleh didapati secara dalam talian dengan mudah.

Penggunaan e-buku atau buku digital semakin meluas lebih-lebih lagi sejak negara ditimpa musibah COVID-19. Kesukaran mendapatkan bahan bacaan atau rujukan berbentuk cetak, menyebabkan masyarakat memilih alternatif ini bagi memenuhi keperluan.

Pesta Buku Digital 2020 menggantikan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) pada tahun lalu, mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat. Terbukti masyarakat dapat menerima kewujudan buku digital dalam dunia pembacaan, selain buku bercetak.

Buku digital bukanlah baharu, bahkan sudah lama wujud. Namun, pendedahan dan penggunaannya tidak disebarkan secara meluas serta lebih berfokus kepada institusi pendidikan sahaja.

Walaupun buku digital dan cetak berada di bawah kategori fungsi sama, ada beberapa perbezaan memberi kesan kepada pembacanya. Ke-

dua-duanya mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri.

Kita tidak dapat menafikan buku digital lebih mudah dibawa ke mana-mana kerana tersedia dalam telefon pintar. Berbeza buku cetak yang tidak sesuai untuk dibawa ke semua tempat dan memerlukan penjagaan baik serta rapi agar tidak rosak.

Dari segi kepuasan membaca, sudah tentu buku bercetak menjadi pilihan hati pembaca. Kepuasan menyentuh dan menyelak helaian kertas ketika membaca buku tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata, malah hanya dirasai pembaca.

Bahkan bagi sesetengah pencinta buku, bau kertas pada buku cetak memberikan penghayatan lebih baik dalam pembacaan. Ini seperti kepuasan berbual secara bertemu muka, begitu juga kepuasan membaca buku bercetak boleh dirasa dan disentuh bentuk fizikalnya.

Pada sisi lain, kedua-duanya mampu memudaratkan kesihatan jika tidak diikuti kaedah posisi baik ketika membaca. Antara posisi buruk ketika membaca adalah membaca dengan jarak terlalu

dekat, dalam ruang cahaya minimum dan tidak duduk dalam keadaan tegak.

Bagi buku digital pula, pembaca akan terdedah kepada bahaya cahaya biru daripada telefon pintar. Cahaya ini akan memberi kesan buruk kepada mata.

Oleh itu, kedua-dua pembaca buku digital dan buku bercetak perlu cakna agar manfaat dicari tidak mendatangkan mudarat kepada tubuh badan sendiri.

Sekarang, semuanya terletak pada pilihan pembaca sama ada hendak membaca buku digital atau bercetak. Manfaat dan pengetahuan terdapat pada kedua-duanya tidak membezakan atau mengurangkan antara satu dengan lain.

Lebih penting, budaya membaca dalam diri warganegara masih utuh, walaupun berlaku perubahan dari segi kemajuan teknologi. Budaya membaca menerusi sumber tradisional akan berdepan cabaran susulan transformasi era digital serta pengaruhnya terhadap masyarakat, namun ia tidak menjadi halangan untuk kita terus menghidupkan budaya membaca.

